

PAMERAN ALAM SEKITAR DALAM PROGRAM HEALTH, SAFETY AND ENVIRONMENT DAY 2023
ANJURAN MRANTI PARK SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA.

24 Mei 2023, Kuala Lumpur - Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL) telah dijemput untuk mengadakan pameran kesedaran alam sekitar dalam Program HEALTH, SAFETY AND ENVIRONMENT DAY sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia anjuran MRANTI PARK, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Program Ini bermatlamat untuk menzahirkan pembangunan lestari dan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat serta melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni serta peduli terhadap isu-isu alam sekitar.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh JASWPKL semasa program ini ialah sesi pameran kesedaran sempena Hari Alam Sekitar Sedunia dan pendaftaran ahli baru Rakan Alam Sekitar.

#NRECC

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaswpkl